

Belajar sepanjang hayat

Berita Harian 8/07/2016 M/S. 1

Jadikan Malaysia pusat kecemerlangan ilmu, hab pengajian tinggi

Oleh Khairina Yasin
kayrina@bharian.com.my

PEMBANGUNAN negara amat bergantung kepada kehebatan modal insannya. Sebagai sebuah negara yang pesat membangun dan meletakkan wawasan untuk menjadi negara maju menjelang 2020, Malaysia tidak dapat lari daripada menerima hakikat bahawa keunggulan modal insan yang berilmu dan berkemahiran menjadi aset utama.

Faktor seperti globalisasi dan persaingan ekonomi yang kompetitif contohnya menuntut rakyat lebih bersedia terutama bagaimana merancang mempersiapkan modal insan yang lebih kompeten dan dinamik.

Bagi mencapai hasrat itu, proses Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) antara satu pendekatan yang mampu memberi nilai tambah kepada masyarakat khususnya para pekerja yang juga penyumbang kritikal kepada



OUM menjadi antara universiti pertama memperkenalkan Pembelajaran Sepanjang Hayat.

produktiviti dan pembangunan negara.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata penekanan pembudayaan PSH sejajar dengan objektif menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Ilmu dan hab pengajian tinggi antara-bangsa.

Sebagai salah satu daripada tujuh teras Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, katanya, empat strategi yang juga pelan tindakan digariskan bertujuan mengurusperanan PSH.

"Strategi terbabit ialah meningkatkan mekanisme dan prasarana PSH, memperkemas kerangka pengiktirafan, meningkatkan promosi dalam meng-

galakkan orang awam menyertai PSH dan menyediakan pembiayaan secukupnya bagi menyokong program berkenaan.

"Justeru, bagi memastikan objektif PSH dicapai secara lebih berkesan, pengiktirafan kepada *non-formal* dan *informal learning* amat penting.

"Saya difahamkan Agensi Kelayakan Malaysia menerusi inisiatif Pengiktirafan Pembelajaran Terkumpul sudah memperkenalkan Amalan Bijak: Pengkreditan Pengalaman Pembelajaran Terkumpul (APEL) bagi mengiktiraf *non-formal* dan *informal learning*," katanya pada majlis perasmian bangunan Pusat Pembelajaran OUM di Shah Alam, baru-baru ini.

Hadir sama, Presiden dan Naib Canselor Universiti Terbuka Malaysia (OUM), Prof Emeritus Tan Sri Anuar Ali.

Bagi menyokong usaha itu, beliau berkata, kredit bank akan ditubuh dan dikelolakan MQA sebagai repositori berpusat bagi menyimpan rekod penilaian dan pengumpulan kredit pelajar dengan lebih sistematik untuk pelaksanaan APEL.

Selain itu, katanya Kementerian Pengajian Tinggi turut melantik Anuar sebagai pengerusi jawatankuasa khas bagi menyediakan *blue print* pembudayaan PSH yang akan menjadi rujukan semua pihak.

"Pihak kementerian turut memikirkan beberapa tindakan bagi menggalak dan merakyatkan PSH, antaranya kemungkinan memberi pengiktirafan kepada majikan yang mendorong pekerjaanya menyambung pengajian, selain memastikan program pengajian yang direka bentuk relevan dengan keperluan masyarakat, industri tempatan dan antarabangsa serta negara.

"Tindakan lain termasuk mewujudkan perkongsian pintar antara industri dan pembekal program PSH, menyemak semula dasar yang menjadi penghalang kepada perkembangan PSH dan menjadikan kerajaan sebagai *role model* dalam agenda pembudayaan PSH dengan menggalakkan kakitangannya aktif dalam kegiatan PSH," katanya.

Sambil memuji usaha OUM memartabatkan PSH, beliau berkata, agenda PSH adalah inisiatif atau langkah pendemokrasian pendidikan yang wajar diberi penekanan utama kerana ia dianggap satu pendekatan pembelajaran yang popular dan 'mesra' kerana sifatnya fleksibel atau anjal.

Katanya, kejayaan PSH

juga diyakini dapat meletakkan negara pada status berpendapatan tinggi dengan memastikan

kelestarian dan kebolehan rakyat untuk menyumbang dan berkongsi kemakmuran negara.

| Majlis Konvokesyen OUM, 19 hingga 22 Jun 2010 | |
|---|-------|
| Jumlah Graduan : 5,675 | |
| Pecahan Penerima | |
| Sarjana | 63 |
| Bachelor (Kepujian) | 5414 |
| Diploma | 198 |
| Pecahan Mengikut Umur | |
| Bawah 21 tahun | 39 |
| 21-30 tahun | 497 |
| 31-40 tahun | 2,545 |
| 41-50 tahun | 2,431 |
| 50 tahun ke atas | 143 |
| Pecahan Mengikut Fakulti | |
| Pengurusan Perniagaan | 507 |
| Pendidikan dan Bahasa | 3,485 |
| Teknologi Maklumat, Komunikasi dan Multimedia | 279 |
| Sains dan Teknologi | 1,254 |
| Sekolah Kejururawatan dan Sains Kesihatan Bersekutu | 150 |

“ Pihak kementerian turut memikirkan beberapa tindakan bagi menggalak dan merakyatkan PSH, antaranya kemungkinan memberi pengiktirafan kepada majikan yang mendorong pekerjaanya menyambung pengajian selain memastikan program pengajian yang direka bentuk relevan dengan keperluan semua ”

Mohamed Khaled Nordin
Menteri Pengajian Tinggi

